MENGHAYATI PERANAN REJIMEN ASKAR MELAYU DAN ASKAR SUKARELA PADA ZAMAN JEPUN MENAKLUKI MALAYA (SELANGOR)

PENGENALAN

'***War is nothing but a duel on an extensive scale… an act of violence intended to compel our opponent to fulfill our will***'
(**Clausewitz** *On War* 1780 –1831)

1. Agak menarik untuk kita mengimbas kembali 80 tahun kebelakang persiapan serta perancangan pihak *defender* (British) dan *aggressor* (tentera Jepun) di Malaya. Berakhirnya Perang Dunia Pertama, menyaksikan Britain mula membangunkan kekuatan tentera mereka di Singapura dan Malaya. Antara lain termasuk pembinaan lapangan-lapangan terbang di utara Malaya bertujuan mengimbangi kekurangan pertahananan pasukan darat dan udara di bahagian ini. Sejak 1938, pertahanan Singapura dan Malaya bergantung semata-mata pada pangkalan laut British di Sembawang, Singapura.

2. Dari perspektif tentera penceroboh, negara Jepun memerlukan bekalan bahan mentah untuk ekonomi dan industri pertahanan mereka setelah negara matahari terbit itu dikenakan sekatan ekonomi oleh Amerika Syarikat akibat serangan Jepun ke atas Indochina pada 1941. Persediaan menyerang Malaya dan Singapura bermula seawal 1941. **Masanobu Tsuji** adalah pegawai yang bertanggungjawab terhadap operasi dan perancangan bagi sektor Malaya dan dalang (*mastermind)* kempen di Malaya. Latihan penyesuaian (*conditioning*) untuk bertempur di hutan beriklim tropika di laksanakan di Pulau Hainan, China.

3. Selain dari itu, tugas-tugas pengintipan kerap dijalankan sebagai penyediaan sebelum menyerang Malaya. Pendekatan yang diambil oleh kedua-dua pihak lawan mungkin agak berlainan, tetapi bertepatan dengan doktrin Clausewitz "*the actual conduct of war are concerned only with the creation, training, and maintenance of the fighting forces". '*Berlatih untuk berperang' adalah sinonim dengan setiap angkatan tentera, digunapakai oleh pasukan di Malaya, tidak kira pasukan tetap mahupun Sukarela.

4. Tidak perlu juga kita pertikaikan cara latihan pihak mana yang efektif; tentera British dengan cara latihan yang sistematik ataupun latihan tentera Jepun yang agak lasak dan *brutal*. Yang jelas adalah catatan sejarah '**Singapura sebagai *impregnable fortress, dianggap* sebagai *Gibraltar of the East* oleh Churchill, akhirnya jatuh ke pihak Jepun**'. Memang benar pihak British mungkin telah melakukan yang terbaik bagi melindungi Malaya dan Singapura, tetapi *clearly their best wasn't good enough!* Yang menjadi korban, selain dari rakyat yang tidak berdosa, adalah mereka yang berjuang mempertahankan Malaya daripada jatuh ke pihak musuh. Mereka adalah anggota-anggota pasukan Sukarela dan Rejimen Askar Melayu.

5. Nota ringkas ini adalah usaha untuk mengimbas kembali peranan yang dimainkan oleh anak-anak tempatan ketika perang di Malaya. Anak-anak kampung yang mungkin baru mengenali dunia, yang terjebak ke dalam kancah peperangan. Apakah perasaan mereka ketika peluru-peluru musuh mula bersimpang-siur apabila serangan bermula? Tahukah kita bagaimanakah perasaan mereka yang terpaksa meninggalkan keluarga, berada di satu kawasan yang asing, tidak tahu di mana, menunggu ketibaan musuh? Kita tidak akan merasai keadaan sebegini, namun apa yang dirasai oleh generasi ini walaupun tidak mampu disanjung, sekurang-kurangnya kita ingati dan dihargai!

RINGKASAN PASUKAN TERLIBAT



ASKAR SUKARELA



PASUKAN SUKARELA MALAYA (*MALAYAN VOLUNTEER FORCES*)

6. Sebagaimana koloni-koloni pentadbiran British yang lain, terdapat segolongan di Malaya yang berpendapat bahawa mereka bertanggungjawab mempertahankan kawasan di mana mereka berada. Perang Crimea menyaksikan *Singapore Volunteer Rifle Corps* yang bangga dengan motto ***'In Oriente Primus'*** menyertai *Malayan Volunteer Forces* pada tahun 1854. ***In Oriente Primus*** adalah bahasa Latin bermaksud 'Pertama di Timur' (*First in the East*).



7. **Perang Boer** (1899-1902) di Afrika Selatan meransangkan lagi perkembangan Pasukan Sukarela dengan tertubuhnya *Malay States Volunteer Rifles (**MSVR**)*. Tercetusnya Perang Dunia Pertama pada Ogos 1914 menggalakkan penyertaan orang tempatan ke dalam pasukan Sukarela di Malaya. Pada tahun berikutnya, Pasukan Sukarela (*Johore Volunteer Forces*) membantu pihak British membanteras dahagi Askar Sepoy di Singapura. Keadaan tidak menentu di Eropah pada tahun 1930an menjadi pemangkin kepada penyertaan lebih ramai rakyat tempatan menyertai Pasukan Sukarela ini.



8. ***STRAITS SETTLEMENT VOLUNTEER FORCES (SSVF).*** Pasukan Sukarela disusun mengikut kawasan pentadbiran British di Malaya. Secara keseluruhannya, Negeri-negeri Selat (*Straits Settlements)* ini ditadbir oleh Govenor Inggeris Sir Shenton Thomas, yang juga merupakan Pesuruhjaya Tinggi bagi 11 buah Negeri-negeri Melayu yang ada. Anggota Sukarela dari Singapura, Pulau Pinang dan Province Wellesley, dan Melaka (Labuan dan Pulau Krismas) seramai 2,851 dibahagikan kepada empat batalion berikut:



a. Singapura – ***1st and 2nd Battalion SSVF*** (1260 anggota)
b. Pulau Pinang & Province Wellesley – ***3rd Battalion SSVF*** (916 anggota)
c. Melaka – ***4th Battalion SSVF*** (675 anggota)



9. ***FEDERATED MALAY STATES (FMS)***. Negeri-negeri Melayu Bersekutu terletak di bawah naungan Raja-Raja Melayu, tetapi mempunyai Residen Inggeris sebagai Penasihat. Negeri-negeri ini termasuk Perak, Selangor, Negri Sembilan dan Pahang. Anggota Sukarela *Federated Malay States Volunteer Forces (FMSVF)* dari negeri ini berjumlah 5,200 anggota dibahagikan kepada empat batalion:

a. Perak – ***1st Battalion FMSVF***
b. **Selangor** - ***2nd Battalion FMSVF***
c. Negri Sembilan – **3rd** ***Battalion FMSVF***
d. Pahang – ***4th Battalion FMSVF***

Selain dari itu terdapat juga komponen Bantuan FMSVF seperti *Signals Battalion*, *Light (Arty) Battery*, *Reserve Motor Transport Company* dan *Field Ambulance units*.



10. **LAIN-LAIN PASUKAN SUKARELA** yang ditubuhkan adalah di Johor, Kedah, Kelantan, Trengganu dan Perlis. Tidak seperti Johor, Pasukan Sukarela dari negeri-negeri ini tidak teratur! Anggota Pasukan Sukarela seramai 965 orang dari negeri-negeri tersebut diatur seperti berikut:

a. Johore - *J.V.E.* (*Johore Volunteer Forces*) - 258 anggota.
b. Kedah - *K.V.F.* (*Kedah Volunteer Force*) - 571 anggota.
c. Kelantan - *K.V.F*. (*Kelantan Volunteer Force*) - 136 anggota.
d. Trengganu dan Perlis -Tidak mempunyai pasukan pertahanan tempatan.

REJIMEN ASKAR MELAYU



11. Pada tahun 1902, **Sultan Alang Iskandar Shah** (Sultan Perak), **Tuanku Muhamad Ibni Yam Tuan Antah** (Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan), **Raja Chulan** (Kerabat Diraja Perak) dan **Dato Abdullah Haji Dahan** (Undang Luak Rembau) telah menggesa kerajaan Kolonial British di Malaya untuk menubuhkan satu rejimen tentera yang dianggotai oleh anak-anak tempatan. Pada 23 November 1932, Jabatan Perang British memberikan persetujuan penubuhan satu pasukan Askar Melayu sebagai satu rejimen tempatan dalam Angkatan Tentera British. **AKTA NO. 11** (Akta Rejimen Askar Melayu) diluluskan oleh *Federal Consultative Council* pada 23 Januari 1933.



12. Kompeni Percubaan Pertama (*1st Experimental Company*) telah dibentuk pada tahun 1933 dan merupakan titik permulaan pasukan tentera anak watan di Malaya. Pada 1 Februari 1933, seramai 25 orang anak Melayu daripada 100 orang calon telah dipilih sebagai "sesuai untuk diambil menjadi rekrut" di dalam pasukan Askar Melayu. Bermulalah penubuhan pasukan Askar Melayu secara rasminya pada 1 Mac 1933 di Haig Lines, Port Dickson, Negeri Sembilan, di bawah perintah Mejar G. McBruce.

13. Pada 1 Januari 1935, atas kesungguhan anak-anak Melayu dan kegigihan Mejar S. Bruce, Kompeni Percubaan ini ditukarkan menjadi Rejimen Askar Melayu dengan kekuatan permulaan seramai 150 orang anggota. Dengan pengambilan penambahan seramai 232 orang anggota baru, dua Kompeni tempur telah ditubuhkan, dengan satu pasukan Ibu Pejabat sebagai elemen perintah.



14. Pada Mac 1941, Gabenor Negeri-Negeri Selat meluluskan penambahan kekuatan Rejimen Askar Melayu menjadi dua battalion. Batalion Kedua Askar Melayu ditubuhkan pada 1 Disember 1941. Batalion Pertama dan Kedua Rejimen Askar Melayu bersama-sama *2nd Loyal Regiment* (*North Lancashire*) diletakkan di bawah pemerintahan *1st Malaya Infantry Brigade*. Ketumbukan ini akan memainkan peranan besar dalam mempertahankan Malaya semasa penjajahan Jepun!

PERANAN PASUKAN-PASUKAN KETIKA PERANG MELETUS DI MALAYA (SELANGOR)

PASUKAN SUKARELA



15. Suasana perang mula dirasai di Eropah pada tahun 1930an, ramai anak-anak muda dari setiap peringkat kehidupan dan bangsa bersemangat menyertai Pasukan Sukarela. Tanpa mengira latar belakang mereka, semangat untuk menyumbang dan mempertahankan *Crown Colony* di Malaya mendorong penyertaan tersebut. Sukarela yang menyertai pasukan ini menerima latihan ketenteraan pada waktu malam dan pada hujung minggu. Pasukan-pasukan disusun atur berlandaskan Tentera Wataniah Koloni (*British Territorial Army*).

16. Mobilisasi anggota Pasukan Sukarela bermula pada 1 Dis 1941 apabila timbul penunjuk perang akan tercetus. Serangan tentera Jepun yang bermula di Singora dan Pattani pada 8 Dis 1941 merebak ke selatan. Anggota-anggota Sukarela diarah melapor diri di kawasan berkumpul (*AA*) yang ditetapkan, dan diaturgerakkan ke sektor-sektor pertahanan masing-masing. Jelas sekali peranan Pasukan Sukarela adalah sebagai **simpanan kepada pasukan infantri**, dan diletakkan di bawah pemerintahan *Malaya Command.*



17. ***MALAYA COMMAND*** merupakan struktur pemerintahan tentera yang wujud sejak 1920an bagi menyelaras pertahanan koloni British di Malaya. Ini termasuk gerisen-gerisen tentera yang ditempatkan di sekitar kawasan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Taiping, Seremban dan Singapura. Apabila tercetusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1939, tentera British telah mempertingkatkan kekuatan anggotanya bagi menghadapi segala kemungkinan.



18. Oleh kerana sebahagian besar aset tentera British terlibat dalam peperangan di Eropah dan Timur Tengah, Pasukan Sukarela FMSVF yang ditubuhkan disetiap negeri dan terlatih dalam bidang ketenteraan merupakan opsyen yang terbaik bagi mempertahankan Malaya ketika keadaan darurat. Ketika kempen di Malaya mula memuncak, pasukan FMSVF di letak bawah pemerintahan *Line of Communication Brigade* yang dipimpin oleh Brigadier Moir.



19. Tugas briged ini adalah menyediakan saluran perhubungan (**LoC**) kepada anggota-anggota yang mempertahankan lapangan terbang, jalan-jalan, jambatan dsb. Aset-aset FMSVF yang lain juga digunakan bagi menghadapi serangan tentera Jepun. Sebagai contoh, ketika pertempuran di Kampar, *FMSVF Light Battery* dan *Armoured Cars* berjaya melengahkan kemaraan tentera Jepun. Secara ringkasnya peranan utama yang dimainkan oleh pasukan FMSVF adalah membantu dari segi penambahan anggota kepada kekuatan tentera yang sedia ada. Dengan pertambahan ini Malaya Command akan dapat mengadakan paras kekuatan yang diperlukan untuk mempertahankan penempatan serta installasi strategik ketika Jepun menyerang Malaya.



REJIMEN ASKAR MELAYU

20. Dengan tercetusnya peperangan di Eropah (3 Sep 1939), latihan anggota Askar Melayu telah dipertingkatkan dan kekuatan diperbesarkan dengan penubuhan batalion kedua pada 1 Dis 1941 bagi menghadapi serangan Tentera Jepun yang sedang mara.



a. Kompeni A, Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu merupakan sub-unit Askar Melayu yang pertama menentang tentera Jepun yang mendarat di Pantai Cinta Berahi (Pantai Cahaya Bulan), Kelantan pada 8 Dis 1941.

b. Kekuatan tentera Jepun yang lebih besar memaksa Kompeni tersebut berundur ke Kuala Krai dan seterusnya Singapura.

Di Singapura, Batalion Pertama dan Kedua Askar Melayu telah berjuang bersama tentera British menentang kemaraan musuh di sekitar kawasan Pasir Panjang, Buona Vista, Labrador dan Alexandra.

‘MEREKA YANG MERASAI!’

PASUKAN-PASUKAN SUKARELA



1ST BN PERAK FMSVF - TUN MUBIN SHEPARD



21. Pada tahun 1938. Mubin Sheppard dilantik Penolong Setiausaha Kerajaan, Sekretariat Persekutuan Kuala Lumpur. Pada masa yang sama, beliau mengambil-alih pemerintahan D Coy, 2nd Bn Selangor FMSVF. Antara tugasan beliau adalah menyelia latihan ketenteraan di Klang dan Kuala Selangor. Pada tahun 1941 Mubin Sheppard mengambil-alih pemerintahan C Coy, 1st Bn Perak FMSVF. 1 Dis menyaksikan kerahan sepenuhnya anggota tentera dan pasukan Sukarela di bawah *Malaya Command.*



22. Mubin Sheppard berserta C Coy 1st Bn Perak FMSVF diaturgerakkan ke lapangan terbang Ipoh bersama sekumpulan detasmen RAAF pada 8 Dis. Lapangan terbang tersebut diserang oleh kapalterbang pengebom tentera Jepun. Senjata anti-pesawat yang dilengkapkan kepada pasukan Mubin Sheppard hanyalah mesingan Lewis (jarak maksima 2,000 kaki), yang tidak berkesan terhadap kapalterbang musuh.

23. Tidak lama kemudian beliau diarahkan menyerahkan pemerintahan C Coy, 1st Bn Perak FMSVF kepada Penolong Ketua Kompeni. Mubin Sheppard diarah melapor diri kepada Col Warren (RM) di *Station Hotel*, Kuala Lumpur. Di masa yang sama, detesmen RAAF diundurkan dari lapangan terbang Ipoh. Empat platun dari D Coy 1st Bn FMSVF kekal *in situ* sehingga 23 Dis 1941 melindungi jurutera awam yang akan memusnahkan landasan pangkalan tersebut.



24. **PERTEMUAN DENGAN COL WARREN**. Mubin Sheppard dipilih sebagai ‘kumpulan tinggal belakang’ (*stay behind parties*) yang akan beroperasi dari Sungei Lembing hingga ke kawasan Bundi, Kuantan Pahang. Tugas beliau adalah mengendali *wireless transmitters* dan melaksanakan operasi gerila sebagai tindakan serangbalas terhadap tentera Jepun sekiranya bantuan tiba di Singapura. Ini tidak kesampaian. Pada 9 Jan 1942 Mubin Sheppard dimasukkan ke dalam Hospital Umum Singapura kerana mengidap demam *tropical typhus*. Beliau menjadi tawanan perang (***PoW***) sehingga perang tamat.

3RD BN NEGERI SEMBILAN FMSVF.



25. YM Captain Raja Aman Shah adalah putera kepada YAM Raja Haji Harun al-Rashid, Raja Kechil Sulong Perak. Beliau merupakan Pembantu Pegawai Daerah dibeberapa daerah wilayah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ketika ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dalam pasukan 1st Bn Perak FMSVF pada tahun 1929. Captain Raja Aman Shah dinaikkan ke pangkat *Captain* di dalam 3rd Bn Negri Sembilan FMSVF ketika pendudukan tentera Jepun pada tahun 1941.

26. Pada 1942 marhum dan anggota-anggota FMSVF terlibat dalam pertempuran di Johor dan Singapura. Berikutan dengan kejatuhan Singapura pada 15 Februari 1942, Capt Raja Aman Shah bersama anggota dari Rejimen Askar Melayu dan Pasukan Sukarela telah ditahan di Ferrer Park, Singapura. Pada 28 Februari 1942, marhum berserta tawanan-tawanan perang yang lain dipaksa berjalan kaki dari Ferrer Park ke Geylang. YM Captain Raja Aman Shah bersama beberapa orang pegawai Askar Melayu ditembak mati di Bedok, semata-mata kerana enggan melucutkan pakaian tentera mereka!

REJIMEN ASKAR MELAYU





27. 1 Disember 1941, ketika Malaya berada diambang peperangan, Batalion kedua Rejimen Askar Melayu ditubuhkan walaupun tidak selengkapnya. Ketika peperangan mula meletus, Kompeni A dan D, Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu telah diaturgerakkan ke beberapa kawasan Malaya, khasnya di Kelantan, sebelum diundurkan ke Singapura pada penghujung Januari bagi menyertai kumpulan induk di Kem Normanton.



28. Sebelum pertempuran di Singapura sampai ke kemuncaknya. Rejimen Askar Melayu telah bergabung dengan *2nd Loyal Regiment* (*North Lancashire*) dan pasukan tentera British yang lain bagi membentuk *1st Malaya Infantry Brigade*. Briged ini dipertanggungjawabkan mempertahanan bahagian barat selatan pulau Singapura. Di kawasan inilah berlakunya Pertempuran Pasir Panjang, yang juga dikenali sebagai Pertempuran Bukit Chandu (*Battle of Opium Hill*) yang memperlihatkan semangat keberanian dan ketaat-setiaan anak-anak Melayu.

LEFTENAN ADNAN SAIDI



29. Anak kelahiran Kajang Selangor ini adalah antara yang terkorban di dalam Pertempuran Pasir Panjang. Berumur 27 tahun ketika itu, pegawai Askar Melayu ini bersama-sama anggota **Platun 7 Komp C** Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu telah menentang kemaraan tentera Jepun di atas rabung bukit Pasir Panjang, pertahanan terakhir tentera British sebelum Alexandra, Singapura, di mana terletaknya simpanan peluru dan bekalan, hospital tentera serta installasi-installasi penting British.



30. Sepanjang kempen di Malaya dan Pertempuran di Singapura, Rejimen Askar Melayu telah kehilangan seramai 159 anggota (6 pegawai British, 7 pegawai Melayu dan 146 anggota dari semua peringkat), kebanyakkannya ketika pertempuran yang berlaku pada 12 hingga 14 Februari 1942 (Pertempuran Pasir Panjang). Lt Adnan Saidi dan anggotanya enggan menyerah walaupun diasak dengan teruk oleh tentera Jepun. Beliau ditangkap, ditembak dan digantung kepala ke bawah sebelum ditikam dengan benet.

PENUTUP

31. **Apakah yang ingin disampaikan di dalam persembahan pendek ini?** Memang benar tajuk persembahan adalah mengenai Peranan Pasukan Sukarela dan Askar Melayu ketika pendudukan Jepun di Malaya. Lalu dibentangkan kepada audiens sedikit sebanyak apa yang diketahui mengenai Pasukan Sukarela dan Askar Melayu. Terus terang ingin dikongsikan bersama, kita menghadapai sedikit masalah untuk mendapat *references* atau *write-up* dalam bentuk buku mengenai *Malayan Volunteer Forces*.

32. Kebanyakan rujukan-rujukan yang ada mengenai kumpulan ini berbentuk *blog*, yang dibina oleh ahli-ahli persatuan *Volunteer Forces* dari UK, Australia dan Singapura. Di sini pengalaman-pengalaman mereka yang pernah menganggotai *Malayan Volunteer Forces*, dicerita semula oleh waris-waris atau *next of kins* yang sanggup berkongsi pengalaman ayah, datuk dan mungkin moyang mereka yang pernah berkhidmat di Malaya dan Singapura. Kalau di dalam bentuk rujukan buku, boleh dikira dengan jari! Rujukan mengenai Rejimen Askar Melayu boleh dikatakan banyak juga.

33. Itupun atas usaha serta kegigihan Tan Sri Samad Idris (Askar Melayu 50 Tahun) , dan Dol Ramli (*History of the* **Malay Regiment***, 1933-1942*) yang menjadi perintis mendokumenkan sejarah mengenai Rejimen ini. Kedua-dua buku ini menjadi 'kitab' yang dibawa ke mana sahaja oleh setiap Pegawai Muda Rejimen Askar Melayu. *Every young officer (YO)* perlu mengetahui sejarah Rejimen dan juga sejarah batalion, kerana pegawai-pegawai *senior* senantiasa menanti untuk 'membaham' kami sekiranya jawapan yang diberi adalah salah!

34. Tahun-tahun seterusnya penulisan serta bahan karya yang diterbitkan mengenai Rejimen Askar Melayu Diraja kian bertambah. Rujukan mengenai Rejimen tidak pernah *in short supply* kerana usaha-usaha yang dijalankan oleh Rejimen itu sendiri mendokumenkan bahan-bahan sejarah dan juga pengkisahan veteran-veteran yang masih hidup dipergiatkan. Antara sebabnya, mungkin, pemerintah tertinggi Tentera Darat kebanyakannya terdiri dari pegawai-pegawai Rejimen. Pun demikian ini tidak mencukupi. Maka, luahan Puan Seri Elizabeth Moggie, bahawa *the exploits of the Malayan Volunteers are unknown to most of us and the references, obviously in short supply (at least in Malaysia!)* adalah tepat.

SEJARAH ITU PENTING

35. Bukan sahaja sejarah pengorbanan *Malayan Volunteers* yang kemungkinan hilang, turut serta termasuk kisah-kisah *comrade-in-arms* yang lain yang memainkan peranan yang sama menghalang 'amukan' tentera Jepun menyerang Malaya akan 'luput', tanpa diketahui oleh sesiapa. Semua kebarangkalian ini tidak dinafikan boleh berlaku sekiranya tidak ada yang sanggup atau berkemampuan mendokumen sejarah mereka ini.

36. Pengkisahan mereka, apa yang mereka lalui dan rasai, keringat serta darah yang mengalir ketika mempertahankan tanahair akan terkubur begitu sahaja, tidak akan diketahui oleh generasi akan datang. Walaupun ada pepatah mengatakan *Old soldiers never die, they just fade away,* membawa bersama pengalaman yang dilalui mereka. Adakah kita begitu **jahil untuk mengetahui sejarah kita sendiri?** Ataupun sememangnya sikap dan perangai orang kita, *let bygone be bygone, nobody cares!* Lebih mengecewakan lagi, adakah **tidak menghargai jasa serta pengorbanan mereka yang terdahulu mula menjadi adab serta budaya rakyat kita?**

37. Tidak keterlaluan jika dikatakan sikap tidak pedulikan sejarah sejak kebelakangan ini makin menjadi-jadi! Bukan menjadi lebih baik tetapi sebaliknya. Kalau sejarah tanahair sendiri kita tidak peduli, inikan pula sejarah mengenai pasukan tentera! Kita lupa bahawa **sejarah membentuk jati diri** kita, *of who we are!* Cuba bayangkan seseorang yang tidak mempunyai sejarah berkaitannya. Siapakah dia? Dari mana asalnya? Manusia tanpa sejarah seumpamakan mereka yang hilang atau tidak mempunyai jati diri langsung. Sejarah itulah yang membentuk jati diri atau *identity* kita.

38. Jati diri wujud apabila kita **berbangga tentang masa silam** negara dan bangsa kita. Baik atau buruk, inilah tanah tumpah air kita. Jati diri dan semangat patriotisme cintakan tanahair *goes hand in hand.* ***Proud of what we had achieved, honoured, and feel respectable of what the generation of our forefathers had accomplished, notably through blood, sweat and tears!*** Sejarah adalah mengenai **tindak-tanduk manusia**. Kebaikan dan keburukan masa lalu yang dijadikan teladan, membantu kita untuk tidak mengulangi kesilapan lampau.

HISTORY IS NOT ONLY ABOUT 'HIS STORY'. IT IS ABOUT ABOUT MY STORY, YOUR STORY, OUR STORY!

KENAPA HARUS MEMPERINGATI JASA MEREKA YANG TERDAHULU

> ***THOSE WHO CANNOT REMEMBER THE PAST ARE CONDEMNED TO REPEAT IT*** (George Santayana)

39. Adalah amat penting untuk kita mengingati perjuangan mereka yang gugur mempertahankan tanahair. Tidak kira garis waktunya; Perang Dunia Pertama atau Kedua, Perang Melawan Insurgensi dsb. Apa yang mereka lakukan satu ketika dahulu akan mengingatkan kita bukan sahaja tentang **pengorbanan manusia** dan **kerapuhan hidup** (*fragility of life)*. Ia juga mengingatkan kita tentang **kemampuan dan kebolehan individu**, sama ada baik atau buruk. *They were soldiers, and young once!*

40. Dari perspektif lain ***history gives us a way of looking at how other people in other days accomplished their missions***, 'melihat bagaimana orang lain diwaktu itu melaksanakan tugasan/ misi mereka'. Berbalik kepada kisah anak-anak tempatan yang terlibat mempertahankan Malaya. Ketika perang, tindakan-tindakan keberanian yang dipamirkan oleh individu (anggota tentera) kerap berlaku. Namun hanya sedikit yang pernah direkodkan dan mendapat pengiktirafan. **Siapakah yang patut dipersalahkan?** Mereka yang berada di medan pertempuran? Wartawan-wartawan perang? Anggota yang terlibat sendiri?

41. Agak sukar untuk menjawab **Siapakah yang sepatutnya merekod tindak-tanduk anggota tentera ketika bertempur? Mengiktiraf dan memperakui keberanian mereka?** Benar, mereka **tidak pernah minta agar pengorbanan mereka disanjung**. Tidak ada pingat ataupun ganjaran yang mampu memadamkan ***the extremeties of war*** yang akan menghantui sepanjang kehidupan mereka. Legasi mereka yang mempertahankan tanahair dari pencerobohan perlu dipelihara, pengalaman mereka dirasai dan dikongsi semua.

42. Dengan mengingati pengorbanan mereka yang terlibat dalam peperangan, sedikit sebanyak akan memberi kesedaran kepada kita tentang **kepayahan hidup serta ketakutan** yang harus mereka diharungi, semuanya **ditanggung dengan kerelaan hati** agar yang lain dapat hidup dengan aman. Mereka yang terdahulu, yang cuba kita lupakan ini, berjuang untuk kebebasan kita, mempertaruhkan nyawa mereka untuk kita. **Terpulanglah kepada kita untuk sedar dan menghargainya, atau melupakannya.** Tanpa perkhidmatan dan sumbang bakti mereka kita tidak akan mempunyai kebebasan yang kita nikmati hari ini.

DOKUMEN SEJARAH - PENGHORMATAN UNTUK YANG TERKORBAN

43. Peribahasa Melayu mengatakan '**Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama**' (Orang baik meninggalkan nama baik, yang jahat meninggalkan nama jahat!). '**Harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan gading**' (Mereka yang berjasa itu akan selalu disebut-sebut orang walaupun telah lama mati). Apa yang boleh kita tinggalkan kepada yang hidup selain dari harta benda (dan hutang-hutang!) apabila kita mati?

44. Kita harus berterima kasih kerana masih ada yang sanggup menghabiskan wang ringgit, lebih-lebih lagi masa untuk mengkaji dan menulis tentang pengorbanan dan sumbangan Pasukan Sukarela di Malaya. Usaha-usaha mendokumenkan sejarah ketenteraan kita, dari era penubuhan Rejimen Askar Melayu, zaman Konfrontasi, Peperangan Melawan Insurgensi serta lain-lain boleh dijadikan rujukan untuk generasi akan datang. Dokumen sejarah seperti ini membolehkan kita *to* ***relive history***, membawa kita ke zaman peristiwa berlaku. Tidak keterlaluan dikatakan, dengan

mendokumen peristiwa-peristiwa yang berlaku, kita memberi penghormatan kepada mereka terkorban. **Bagaimana?**

PAUL WHITMAN, CIVIL WAR FREDERICKSBURG 'THE WOUND DRESSER', 1862

45. **Walt Whitman**, seorang penyair kulit putih Amerika, telah ke Fredericksburg, Virginia mencari adiknya Lieutenant George Whitman dari pasukan 51st New York yang dilaporkan hilang ketika pertempuran di sana pada 13 Disember. Berikut merupakan catatan pengalaman beliau serta apa yang dilihat sendiri sepanjang berada di medan pertempuran tersebut.

a. "*Ketika mencari adik aku George yang cedera, aku terlihat timbunan kaki-kaki, lengan, tangan, dan anggota badan yang dipotong. Bebanan timbunan yang begitu besar yang memenuhi satu kereta kuda*.....".

b. "*Ketika perang, keadaan yang huru-hara selalu menyukarkan usaha-usaha mengemaskini rekod perubatan perang dengan tepat. Korban dan kecederaan dalam skala yang besar menyukarkan lagi usaha tersebut. Mereka yang terkorban di kuburkan begitu sahaja dalam satu lubang besar, tanpa batu nesan, berdekatan kawasan pertempuran. Tiada sesiapa yang akan mengingati penderitaan yang dialami mereka*".

46. Catatan Whitman ini memberi peluang kepada pembaca untuk mengimbas kembali pengalaman serta merasai suasana Perang Saudara pada tahun 1860an. Hasrat Whitman adalah untuk **mengembalikan martabat** (*dignity*)mereka yang terkorban, kerana peperangan itu merupakan sejarah yang tidak terungkap dan tidak tertulis. Hanya segelintir sahaja yang terbunuh dicatit di dalam sejarah ketenteraan negara itu. Tujuan Whitman mencatit apa yang dilihat dan rasai sendiri adalah sebagai **penghormatan** ke atas **penderitaan** askar-askar yang terbunuh dan tidak dikenali (***unknown soldiers***). ***A war where brother kills brother, kins against kins!***

"…restoring character and personality to those "hundreds, thousands wiped out" by the violence of war.
Memory, for Whitman, restores dignity and heals wounds".

RUJUKAN

Bibliografi :

Abdul Samad Idris (1983), *Askar Melayu 50 Tahun*, Pustaka Budiman, Kuala Lumpur

Captain T.M. Winsley SVC (1938), *For the Pre-War history of the Volunteers See: A History of the Singapore Volunteer Corps*, Government Printing Office, Singapore.

Dol Ramli, *History of the* Malay Regiment*, 1933-1942* (1955), University of Malaya, Singapore.

Moffatt, Jonathan and Riches, Paul (1959), *In Oriente Primus: A History of the Volunteer Forces in Malaya & Singapore* (2010), Jonathan Moffatt & Paul Riches, Coventry

Mubin Sheppard, Tan Sri (1979), *Taman Budiman*: *Memoirs of an Unorthodox Civil Servant*, Heinemann, Kuala Lumpur.

Percival, A. E. (1949). *The war in Malaya.* London: Eyre and Spottiswoode,

Thompson, P. (2005). *The Battle for Singapore: The true story of the greatest catastrophe of World War II.* London: Portrait, p. 136. (Call no.: RSING 940.5425 THO -[WAR])

Tsuji, M. (1997). *Japan's greatest victory, Britain's worst defeat.* Staplehurst, UK: Spellmount.

Tsuji, M. (1988). *Singapore 1941–42: The Japanese version of the Malayan Campaign of World War II*. Singapore: Oxford University Press

Webpage :

THE MALAYAN VOLUNTEER FORCES *(Rosemary Fell), https://www.cofepow.org.uk/armed-forces-stories-list/the-malayan-volunteer-forces.*

MALAYAN VOLUNTEERS https://www.malayanvolunteersgroup.org.uk/volunteer-forces-summary.html

BATTLE AT PASIR PANJANG https://www.roots.gov.sg/places/places-landing/Places/historic-sites/Battle-at-Pasir-Panjang

MALAYA COMMAND *http://malayacommand.blogspot.com/2011/08/federated-malay-states-volunteer-force.html*

MALAYA COMMAND *https://military-history.fandom.com/wiki/Malaya_Command*

THE COURAGE OF CAPTAIN RAJA AMAN SHAH
https://sembangkuala.wordpress.com/2009/10/21/4676/